

SYARAT-SYARAT PENYERTAAN PROGRAM JALAN LAJU (*BRISK WALK*) 1 000 JALUR GEMILANG USM 2026 BERSEMPENA SAMBUTAN HARI MALAYSIA

SYARAT-SYARAT PENYERTAAN

1. Pendaftaran Kontinjen

- i. Terbuka kepada Staf di **Kampus Induk, Kampus Kejuruteraan Tuanku Syed Sirajuddin & Pusat Kanser Tun Abdullah Ahmad Badawi (PKTAAB)** sahaja.
- ii. Setiap PTJ dibenarkan menghantar **satu (1) kontinjen** sahaja. Gabungan antara PTJ adalah dibenarkan (**Maksimum gabungan 2 PTJ SAHAJA**).
- iii. Setiap kontinjen wajib terdiri daripada sekurang-kurangnya **25 orang** dan tidak melebihi **30 orang** staf (termasuk seorang Ketua Kontinjen).
- iv. Keahlian kontinjen mestilah mencerminkan **kepelbagaian jantina, staf dan gred serta kombinasi staf akademik/pentadbiran/sokongan (jika ada)**.
- v. Peserta **mestilah mempunyai wakil** daripada setiap peringkat umur di antara **(18-29 tahun), (30-39 tahun), (40-49 tahun), (50 tahun dan ke atas)** bagi menyokong elemen inklusiviti kesejahteraan.
- vi. Penyertaan bagi program ini adalah **berasaskan penyertaan kontinjen yang mewakili Pusat Tanggungjawab (PTJ)** dan **BUKANNYA** penyertaan secara individu. Oleh itu, semua pendaftaran hendaklah dibuat oleh **Ketua Kontinjen** yang dilantik bagi pihak PTJ atau gabungan PTJ yang mengambil bahagian.
- vii. Penyertaan staf adalah **terhad kepada kontinjen PTJ masing-masing**. Penyertaan secara individu atau **mewakili kontinjen PTJ lain** adalah tidak dibenarkan.
- viii. Pendaftaran penyertaan boleh dilakukan melalui **laman pautan yang disediakan dalam emel hebahan rasmi program** dengan **memuat naik borang pendaftaran kontinjen**.
- ix. Tarikh tutup penyertaan adalah pada **28 OGOS 2026 (JUMAAT)**.

2. Format Acara

- i. Ini adalah aktiviti santai berbentuk pertandingan **jalan laju (*Brisk Walk*) secara BERKUMPULAN** bukannya acara larian (*running/jogging*). Kontinjen yang didapati berlari secara konsisten boleh dipotong markah oleh juri.
- ii. Jarak laluan mengelilingi kampus USM adalah sebanyak **3 kilometer sahaja** mengikut ketetapan laluan oleh penganjur.
- iii. Kontinjen dihendaki bergerak dalam satu kumpulan (berkelompok) dari garisan permulaan melalui *check-points*, sehinggalah kembali ke garisan penamat secara bersama.



3. Pakaian, Kreativiti & Tema

- i. Tema pakaian dalam pertandingan ini adalah **"Hari Malaysia & Varsiti Patriotik"** dengan **berunsurkan KELESTARIAN**.
- ii. Penggunaan elemen warna Jalur Gemilang amat digalakkan.
- iii. Penggunaan aksesori tambahan, sepanduk kreatif atau **hiasan bertemakan kemerdekaan & kelestarian** adalah dibenarkan, **dengan syarat tidak mengganggu pergerakan berjalan dan mengutamakan aspek keselamatan fizikal**.
- iv. Sila pastikan sebarang penggunaan Jalur Gemilang pada pakaian, alatan, atau sepanduk **tidak menyalahi tatacara dan etika penggunaan bendera**.
- v. Pada hari program, setiap kontinjen akan dibekalkan sebilangan jumlah Bendera Mini Jalur Gemilang yang perlu dibawa bersama-sama ketika acara jalan laju (*Brisk Walk*) berlangsung.

4. Pembayaran Saguhati Tunai Pemenang

- i. Hadiah wang tunai akan dikreditkan ke akaun bank Enterprise (PTJ) yang didaftarkan oleh Ketua Kontinjen semasa mengembalikan borang pengesahan pendaftaran.
- ii. Ketua Kontinjen hendaklah memastikan maklumat akaun bank Enterprise yang dikemukakan adalah lengkap, tepat dan masih aktif. Pihak penganjur tidak akan bertanggungjawab terhadap sebarang kelewatan atau kegagalan pembayaran yang berpunca daripada maklumat akaun yang tidak tepat atau tidak sah.
- iii. Bagi **kontinjen yang bergabung dan dipilih sebagai pemenang**, pembayaran hadiah wang tunai hanya akan dibuat kepada satu **(1) akaun bank Enterprise** yang didaftarkan oleh Ketua Kontinjen. Sebarang permohonan pembayaran ke beberapa akaun atau pertukaran akaun selepas keputusan rasmi diumumkan tidak akan dipertimbangkan, kecuali dengan kelulusan pihak penganjur.
- iv. Segala urusan pengagihan, pembahagian dan pengurusan hadiah wang tunai dalam kalangan ahli kontinjen adalah di bawah tanggungjawab Ketua Kontinjen dan/atau kontinjen berkenaan sepenuhnya. Pihak penganjur tidak akan terlibat atau bertanggungjawab terhadap sebarang pertikaian, tuntutan atau isu berkaitan pengagihan hadiah tersebut.
- v. Pihak penganjur berhak menangguhkan atau menolak pembayaran hadiah sekiranya didapati berlaku pelanggaran syarat penyertaan, pemberian maklumat palsu atau terdapat isu yang boleh menjejaskan integriti pertandingan.
- vi. Dengan mengemukakan borang pengesahan pendaftaran, Ketua Kontinjen dianggap telah membaca, memahami dan bersetuju dengan semua syarat berkaitan pembayaran dan pengurusan hadiah wang tunai yang ditetapkan oleh pihak penganjur.



STRUKTUR PENILAIAN JURI

Penilaian akan dilakukan oleh tiga (3) orang Juri Jemputan dari agensi luar menggunakan skala 100 markah :-

Kriteria Penilaian	Subkriteria
1.Kebersamaan & Kerjasama Pasukan (40 Markah)	Kehadiran dan penyertaan penuh 25-30 orang ahli kontinjen sepanjang laluan Jalan Laju
	Pematuhan kepada arahan urus setia, laluan dan aspek keselamatan sepanjang program.
	Kerjasama dan kebersamaan ahli kontinjen (kekal dalam kelompok, tidak berlari, tidak berpecah atau tercicir).
2. Semangat Pasukan & Impak Patriotik (30 Markah)	Semangat, keceriaan dan penglibatan aktif semua ahli kontinjen sepanjang laluan.
	Penampilan elemen patriotik melalui sorakan, slogan, nyanyian, bendera atau mesej yang bersesuaian.
	Kepimpinan Ketua Kontinjen dalam menyelaras, membimbing dan menyuntik semangat kepada pasukan.
3. Kreativiti Pakaian & Identiti Tema (30 Markah)	Kesesuaian pakaian kontinjen yang menepati tema Hari Malaysia & Kelestarian .
	Kreativiti penggunaan bahan inovasi, bahan kitar semula pada alatan hiasan kreativiti, sepanduk dan aksesori.
	Identiti kontinjen yang jelas, kreatif, menarik serta memberi impak visual secara keseluruhan.

MAKLUMAN

Semua kontinjen hendaklah mematuhi syarat-syarat penyertaan yang telah ditetapkan sepanjang program berlangsung. Dengan penyertaan dalam program ini, setiap kontinjen dianggap telah membaca, memahami serta bersetuju mematuhi semua syarat dan ketetapan yang telah ditetapkan oleh penganjur.

Sebarang perkara yang tidak diperuntukkan dalam syarat-syarat penyertaan ini adalah tertakluk kepada pertimbangan dan keputusan Jawatankuasa Penganjur. Keputusan Jawatankuasa Penganjur adalah muktamad dan sebarang rayuan atau bantahan tidak akan dipertimbangkan.

Disediakan oleh:

Urus Setia Program Jalan Laju (*Brisk Walk*) 1,000 Jalur Gemilang USM 2026

Bahagian Sumber Manusia, Jabatan Pendaftar
Universiti Sains Malaysia

Tarikh Kemas Kini: 27 Julai 2026

Dokumen ini adalah hak milik Bahagian Sumber Manusia, Jabatan Pendaftar, Universiti Sains Malaysia dan hanya digunakan bagi tujuan pelaksanaan Program Jalan Laju (*Brisk Walk*) 1,000 Jalur Gemilang USM 2026 bersempena Sambutan Hari Malaysia.